

**SOKONGAN SOSIAL SEBAGAI MODERATOR
DI ANTARA KETAGIHAN INTERNET DAN
SIMPTOM PSIKOLOGIKAL DALAM
KALANGAN PENJAWAT AWAM**



EMILLY ANAK SAKAI

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2020

**SOKONGAN SOSIAL SEBAGAI MODERATOR
DI ANTARA KETAGIHAN INTERNET DAN
SIMPTOM PSIKOLOGIKAL DALAM
KALANGAN PENJAWAT AWAM**

EMILLY ANAK SAKAI

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA PSIKOLOGI**

FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2020

PENYERAHAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **SOKONGAN SOSIAL SEBAGAI MODERATOR DI ANTARA KETAGIHAN INTERNET DAN SIMPTOM PSIKOLOGIKAL DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM**

IJAZAH : **SARJANA PSIKOLOGI**

BIDANG : **PSIKOLOGI**

Saya **EMILLY ANAK SAKAI**, Sesi **2017-2020**, mengaku membenarkan tesis Master ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

EMILLY ANAK SAKAI
MP1421599T

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 18 September 2020

(Prof. Dr. Mohd Dahlan Hj. A. Malek)
Penyelia Utama

PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Mac 2020

Emilly Anak Sakai
MP1421599T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **EMILLY ANAK SAKAI**
NO.MATRIK : **MP1421599T**
TAJUK : **SOKONGAN SOSIAL SEBAGAI MODERATOR DI ANTARA
KETAGIHAN INTERNET DAN SIMPTOM PSIKOLOGIKAL
DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM**
IJAZAH : **SARJANA PSIKOLOGI**
BIDANG : **PSIKOLOGI**
TARIKH VIVA : **12 MAC 2020**

DISAHKAN OLEH;

Tandatangan

1. PENYELIA UTAMA

Prof Dr. Hj. Mohd Dahlan Hj. A.Malk



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. PENYELIA BERSAMA

Cik. Agnes Sombuling

PENGHARGAAN

Usaha untuk menghasilkan tesis ini tidak mungkin tercapai tanpa sumbangan banyak pihak. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi dan jutaan terima kasih kepada penyelia utama saya iaitu Prof Dr. Hj. Mohd Dahlan Hj. A. Malek yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar saya di awal penulisan tesis ini dan juga kepada penyelia kedua saya iaitu Cik. Agnes Sombuling yang telah memberi bimbingan kepada saya. Penghargaan ini kepada ibu (Lula Anak Ajing) dan bapa (Sakai Anak Limbai) serta kepada keluarga saya yang lain, yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan sepanjang penghasilan tesis ini. Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan perjuangan yang lain dan kepada pihak yang telah memberi kerjasama sepanjang menjalankan kajian ini.

Emilly Anak Sakai

12 MAC 2020.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin pesat telah banyak membawa perubahan yang begitu besar dalam kehidupan masyarakat hari ini. Peningkatan kemajuan dan penggunaan internet ini, tidak ketinggalan dalam memberi kesan kepada golongan penjawat awam yang seterusnya membawa kepada ketagihan internet. Kajian ketagihan internet dan simptom psikologikal ini melibatkan penjawat awam seramai 204 orang dari pelbagai agensi kerajaan di Sabah. Kajian ini dijalankan menerusi pendekatan tinjauan soal selidik dengan menggunakan alat kajian ketagihan internet, simptom psikologikal dan sokongan sosial. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara ketagihan internet dengan simptom psikologikal dalam kalangan penjawat awam, sementara sokongan sosial digunakan sebagai moderator dalam kajian ini. Hasil kajian menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan internet dan simptom psikologikal, malah sokongan sosial turut memainkan peranan sebagai moderator. Implikasi kajian ini dapat membantu pengguna mengetahui tentang kesan ketagihan internet yang dapat menjejaskan kesihatan psikologikal serta pihak pengurusan supaya dapat meningkatkan prestasi kerjaya pekerja.

Kata kunci : Penggunaan internet, ketagihan internet, simptom psikologikal, sokongan sosial, penjawat awam.

ABSTRACT

SOCIAL SUPPORT USED AS A MODERATOR BETWEEN THE RELATIONSHIP INTERNET ADDICTION AND PSYCHOLOGICAL SYMPTOM AMONG CIVIL WORKER

The rapid development of information and communication technology has brought a lot of changes in the lives of today's society. The improvement in the progress and use of this intervention, not to mention the impact of public servants which in turn leads to Internet addiction. The study of internet addiction and psychological symptoms involves 204 civil servants from various government agencies in Sabah. This research used approach survey and used internet addiction, psychological symptom and social support instrument. The objective of this study was to investigate the relationship between internet addiction and psychological symptoms among civil servants, while social support was used as moderator in this study. The results explain that there is a significant relationship between internet addiction and psychological symptoms, but social support also plays a role as moderator. The implications of this study can help users learn about the effects of internet addiction that can affect psychological health and for management can make improvement in achievement.


Keywords: Internet usage, internet addiction, psychological symptoms, social support, civil servants.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	I
PENYERAHAN	li
PENGAKUAN	Iii
PENGHARGAAN	Iv
ABSTRAK	V
<i>ABSTRACT</i>	Vi
SENARAI KANDUNGAN	Viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI GAMBAR	x
SENARAI SINGKATAN/SIMBOL	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	5
1.3 Permasalahan kajian	9
1.4 Persoalan kajian	16
1.5 Objektif kajian	16
1.6 Kepentingan kajian	17
1.7 kesimpulan	19
BAB 2: KAJIAN LEPAS	20
2.1 Pengenalan	20
2.2 Teoritikal yang digunakan	20
2.2.1 Teori Triple-A (Cooper dan rakan, 1999)	20
2.2.2 Teori Pertukaran Sosial (Thibaut dan Kelley,1959)	21
2.3 Kajian lepas	23
2.4 Ketagihan internet	26
2.5 Simptom psikologikal	32
2.6 Sokongan sosial	35
2.7 Kerangka kajian	38
2.8 Definisi konsep	39
2.8.1 Ketagihan internet	39

2.8.2 Simptom psikologikal	39
2.8.3 Sokongan sosial	40
2.9 Definisi operasional	40
2.10 Hipotesis kajian	41
2.11 Kesimpulan	42
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	43
3.1 Pendahuluan	43
3.2 Reka bentuk kajian	43
3.3 Lokasi kajian	44
3.4 Subjek kajian	46
3.5 Alat kajian	48
3.6 Cara permarkatan	52
3.7 Tatacara kajian	54
3.8 Kebolehpercayaan bagi alat kajian rintis	55
3.9 Kesahan bagi alat kajian rintis	58
3.10 Pengujian kebolehpercayaan dan kesahan alat kajian	63
3.11 Analisis kajian	64
3.12 Kesimpulan	64
BAB 4: ANALISIS KAJIAN	65
4.1 Pendahuluan	65
4.2 Analisis kajian	66
4.3 Analisis diskriptif	69
4.3.1 Perbezaan peratusan bagi tahap ketagihan internet	69
4.3.2 Tahap ketagihan internet berdasarkan jantina	70
4.3.3 Peratusan bagi ketagihan internet	71
4.3.4 Simptom psikologikal	72
4.3.5 Sokongan sosial berdasarkan jantina kajian	73
4.4 Analisis inferensi	74
4.4.1 Analisis korelasi ketagihan internet dan simptom psikologikal	74
4.4.2 Analisis regresi hierarki	75
4.4.3 Analisis regresi pelbagai	76
4.5 Kesimpulan	77
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	78
5.1 Pendahuluan	78

5.2	Analisis deskriptif tahap ketagihan internet dalam penjawat awam	78
5.3	Analisis diskriptif tahap ketagihan internet berdasarkan jantina	80
5.4	Analisis diskriptif katagihan internet yang dialami oleh penjawat awam	81
5.5	Analisis diskriptif simptom psikologikal yang dialami oleh penjawat awam	83
5.6	Analisis diskriptif sokongan sosial yang dialami oleh penjawat awam	86
5.7	Hubungan antara ketagihan internet terhadap simptom psikologial	87
5.8	Pengaruh ketagihan internet dan interaksi sokongan sosial ke atas simptom psikologikal dalam kalangan penjawat awam	91
5.9	Sokongan sosial bertindak sebagai moderator di antara ketagihan internet (salience, penggunaan berlebihan, pengabaian kerja, jangkaan, kurang kawalan dan pengabaian kehidupan sosial) terhadap simptom psikologikal dalam kalangan penjawat awam.	93
5.10	Rumusan kajian	96
5.11	Implikasi kajian	98
5.12	Limitasi kajian	98
5.13	Cadangan kajian	99
5.14	Kesimpulan	100
	RUJUKAN	101
	LAMPIRAN	124



SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1: Pembahagian borang soal selidik kepada subjek	44
Jadual 3.2: Statistik deskriptif bagi jumlah	47
Jadual 3.3: Ketagihan internet	50
Jadual 3.4 : Pengkelasan tahap ketagihan internet mengikut skor markah	51
Jadual 3.5: Simptom psikologikal	52
Jadual 3.6: Cara pemarkatan ketagihan internet	53
Jadual 3.7: Cara pemarkatan simptom psikologikal	54
Jadual 3.8: Cara pemarkatan sokongan sosial	54
Jadual 3.9: Kebolehpercayaan alat kajian mengikut kajian rintis	56
Jadual 3.10: Kebolehpercayaan Alat Kajian Ketagihan Internet	56
Jadual 3.11: Kebolehpercayaan alat kajian simptom psikologikal	57
Jadual 3.12: Kesahan konvergen ketagihan internet bagi kajian rintis	59
Jadual 3.13: Kesahan konvergen simptom psikologikal untuk kajian rintis	60
Jadual 3.14: Kesahan konvergen bagi sokongan sosial	61
Jadual 4.1: Analisis nilai ekstrem bagai pembolehkan kajian	66
Jadual 4.2: Taburan normaliti bagi pembolehkan dalam kajian secara Z skor skewness dan kurtosi	67
Jadual 4.3: Tahap ketagihan internet bagi subjek kajian	69
Jadual 4.4: Analisis tahap ketagihan internet mengikut jantung	70
Jadual 4.5: Subskala bagi ketagihan internet yang di alami oleh subjek	71
Jadual 4.6: Subskala bagi simptom psikologikal yang di alami oleh subjek	72
Jadual 4.7: Perbezaan sokongan sosial bagi peratusan berdasarkan jantung	73
Jadual 4.8: Analisis korelasi ketagihan internet dan simptom psikologikal	74
Jadual 4.9: Analisis Regresi Hierarki Secara Keseluruhan	75
Jadual 4.10: Analisis Regresi Sokongan Sosial Sebagai Moderator Di Antara Subskala Ketagihan Internet terhadap Simptom Psikologikal	76
Jadual 4.11: Ringkasan hasil analisis berdasarkan penerimaan dan penolakan hipotesis	77

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 1.1: Penggunaan internet malaysia, 2017.	2
Gambar 1.2: Penggunaan internet global ((ITU), 2014.	11
Gambar 3.1: Ketagihan internet dan simptom psikologikal	38



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN / SIMBOL

SPSS	–	<i>Statistical Package For Social Sciences</i>
ANOVA	–	<i>Analysis of Variance</i>
S.P	–	Sisihan Piawai
dk	–	Darjah Kebebasan
JKD	–	Jumlah Kuasa Dua
MKD	–	Min Kuasa Dua
Bil.	–	Bilangan
*	–	Signifikan Pada Aras Keyakinan 0.05
**	–	Signifikan Pada Aras Keyakinan 0.01
x	–	Min
K	–	Kebarangkalian
t	–	Nilai Ujian t
F	–	Pekali Anova
r	–	Pekali Korelasi
N	–	Bilangan Subjek Bagi Polulasi
n	–	Bilangan Subjek Bagi Sampel
>	–	Lebih Daripada
<	–	Kurang Daripada
=	–	Sama Dengan

SENARAI LAMPIRAN

Halaman

Lampiran A	: Contoh borang soal selidik bagi maklumat latar belakang, ketagihan internet, simptom psikologikal dan sokongan sosial.	124
------------	--	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN


1.1 Pendahuluan

Kemajuan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi telah memberi impak yang sangat besar terhadap gaya hidup masyarakat kita pada hari ini. Perkembangan internet telah menjadikan teknologi sebagai pilihan pengguna kerana mampu mengubah gaya hidup, cara berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat luar dari seluruh negara. Perkembangan internet memainkan peranan yang penting sebagai alat komunikasi, berseimbang dengan rakan yang lain, pertukaran maklumat, mencari hiburan dan interaksi sosial tanpa mengira masa, tempat dan sebagainya. Selain daripada itu, internet juga mudah diakses, sedia ada dan dapat terjangkau bagi semua lapisan umur dan tahap sosial ekonomi.

Berdasarkan daripada jumlah keseluruhan pengguna internet di Malaysia, melalui kajian suruhanjaya komunikasi dan multimedia Malaysia, SKMM (2017), yang dijalankan daripada 32 juta penduduk Malaysia dianggarkan 24.5 juta daripadanya merupakan pengguna internet (76.95%) dan manakala selebihnya (23.1%) tidak memiliki akses kepada internet bagi tahun 2017. Sementara medium yang digunakan untuk mengakses internet di Malaysia mengikut kajian SKMM, adalah "Smartphone" merupakan medium utama yang digunakan pengguna internet dengan sebanyak 89.4% (21.9 juta pengguna), berbanding dengan medium yang lain seperti *laptop*, *netbook*, *PC desktop* dan sebagainya. Bagi aktiviti pengguna internet di Malaysia, dimana sebanyak 96.3 peratus atau 23.59 juta

orang kebanyakan mereka menggunakan internet untuk tujuan komunikasi melalui teks seperti *Whatsapp, Facebook, Messenger, WeChat* dan sebagainya.

Carta di bawah menunjukkan secara penuh aktiviti pengguna ketika melayari internet di Malaysia. Jumlah peningkatan pengguna internet di negara ini, bukan sahaja membantu para penggunanya, namun mampu memberikan kesan terhadap sesebuah hubungan, kesejahteraan fizikal, mental serta psikologikal.



Gambar 1.1 : Penggunaan internet

Sumber : Suruhanjaya komunikasi dan multimedia malaysia, 2017.

Kelekaan dalam menggunakan internet dapat menjadikan penggunanya cenderung untuk mengalami ketagihan untuk sentiasa melayari internet. Malah penggunaan internet yang kurang dimanfaatkan dengan sebaiknya dalam membantu meningkatkan kreativiti dan taraf hidup yang lebih baik. Berdasarkan daripada kajian lepas, mengenai ketagihan internet yang telah dijalankan awal lagi seperti kajian yang dilakukan Young, (1996), bertujuan mengetahui fenomena ketagihan internet dalam kalangan individu yang berumur dalam lingkungan antara 29 hingga 34 tahun seramai 496 sampel. Hasil kajian menunjukkan kadar ketagihan internet mencecah 80% daripada sampel, dan pengguna yang ketagih internet meluangkan masa 20 hingga 80 jam dalam seminggu untuk melayari internet. Berdasarkan dapatan kajian ini, menjelaskan golongan ini merupakan golongan yang kebanyakannya dalam lingkungan umur bekerja dan mereka mengalami ketagihan internet. Kajian Yong (2011) turut mendapati ketagihan internet di Malaysia perlu diterperinci dengan lebih mendalam dalam bidang psikologi patologi

berdasarkan peningkatan penggunaan internet secara berlebihan yang turut mengundang gejala kemurungan dan masalah mental yang lain.

Berdasarkan Goldberg (1996), menjelaskan beberapa faktor yang menyebabkan ketagihan internet berlaku, yang paling utama adalah kurang sokongan sosial, masalah penyesuaian keluarga dan hilang keselamatan psikologikal pengguna, bersama dengan elemen yang berkaitan dengan internet seperti kebebasan peribadi dan sifat rahsia dalam kalangan pengguna yang bertindak secara bebas tanpa kawalan. Tujuan individu yang melayari internet ini adalah berbeza mengikut keperluan dan kehendak masing-masing. Individu yang bergantung kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terutamanya menggunakan internet ini lebih cenderung untuk mengalami simptom-simptom psikologikal akibat daripada penggunaan yang tidak terkawal. Justeru pengkaji ingin meneroka dengan lebih lanjut tentang ketagihan internet dalam simptom psikologikal dalam kalangan penjawat awam dengan sokongan sosial sebagai moderator.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan sokongan sosial sebagai moderator kajian., pengkaji percaya bahawa dengan adanya sokongan sosial daripada luar, seseorang individu akan cenderung terdorong untuk melibatkan diri mereka dalam sistem sosial sesebuah masyarakat tersebut. Penglibatan individu dalam sosial masyarakat telah menjadi salah satu penyebab untuk individu tersebut bergaul dengan individu yang lain. Pergaulan dan penglibatan tersebut telah mewujudkan ikatan persahabatan, kekeluargaan, majikan dan pekerjanya, pendidik dengan pelajarannya, para penyelidik dan sebagainya dalam lapisan masyarakat. Ikatan inilah yang akan mencetuskan sokongan sama ada secara nyata atau melibatkan emosi. Sokongan tersebut akan menentukan penglibatan seseorang itu untuk merapatkan jurang ikatan mereka kepada yang rapat atau sebaliknya.

Sokongan sosial memainkan peranan penting dalam memberikan kesan terhadap penggunaan internet dalam kehidupan seharian masyarakat. Sherbourne dan Stewart, (1991), telah menyenaraikan fungsi sokongan yang paling penting

dan pelbagai jenis yang disediakan seperti; 1)"sokongan sosial", yang mana melibatkan perasaan cinta, simpati dan mengambil berat; 2)"sokongan penting" yang mana menyediakan bantuan material atau bantuan tingkah laku dan dianggap sebagai bantuan nyata; 3)" bantuan maklumat" yang mana menawarkan petunjuk, nasihat, maklumat atau maklum balas yang boleh menyediakan penyelesaian kepada masalah; 4)"pergaulan sosial" yang juga dikenali sebagai interaksi sosial positif, yang mana melibatkan aktiviti meluangkan masa dengan orang lain dalam masa lapang dan mencipta aktiviti.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Smedema dan McKenzie, (2010), mendapati bahawa aktiviti bersembang dalam talian mempunyai hubungan yang positif dengan sokongan sosial dan kesejahteraan dalam kalangan individu yang mempunyai kekurangan pandangan. Menerusi aktiviti bersembang dalam talian, seseorang individu dapat meluahkan dan berkongsi pandangan, pendapat, idea mereka dengan individu yang lain. Selain daripada perkongsian maklumat dan idea, mereka dapat bersembang dengan individu atau pengguna internet yang lain tentang hal peribadi seperti emosi dan perasaan mereka tentang sesuatu perkara yang dialami oleh mereka dalam kehidupan seharian. Perkongsian inilah yang dapat mewujudkan sokongan sosial kepada individu tersebut dalam interaksi sosial mereka, sekaligus dapat meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

Sementara kajian yang dijalankan oleh Wang dan Wang (2013), mendapati sokongan sosial berhubung secara positif dengan interaksi sosial sama ada dalam konteks melayari internet atau tidak melayari internet. Hasil kajian menjelaskan bahawa sokongan sosial dalam talian dan interaksi sosial dalam talian sama berhubung secara positif dengan ketagihan internet, sementara sokongan sosial yang tidak melayari internet dan interaksi sosial yang tidak melibatkan internet berhubung secara negatif dengan ketagihan internet. Kajian ini juga menerangkan bahawa sokongan sosial dan interaksi sosial yang positif turut menyebabkan ketagihan internet turut sama meningkat. Hal ini demikian kerana, sokongan sosial dan interaksi sosial yang kian meningkat cenderung menyebabkan individu tersebut sentiasa ingin melibatkan diri mereka dalam sesuatu kumpulan sembang yang

sama melayari internet untuk berkongsi apa sahaja pengalaman hidup mereka dengan orang lain.

Kajian yang dijalankan Lieung (2011), menjelaskan bahawa individu yang sunyi dan mempunyai tahap sokongan sosial yang tidak melayari internet rendah, akan mencari peluang untuk percubaan identiti dalam talian lebih memuaskan berbanding dengan individu yang kurang sunyi atau tidak sunyi. Kedua-dua aspek kesunyian dan sokongan sosial yang tidak melayari internet didapati nyata sekali berkait dengan keutamaan untuk melakukan interaksi sosial dalam talian. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa terdapat perbezaan umur. Di mana individu yang berumur 9 hingga 14 tahun yang sunyi dan golongan yang berumur 15 hingga 19 tahun dengan sokongan sosial yang rendah menunjukkan mereka lebih mengutamakan interaksi sosial dalam talian. Berdasarkan hasil kajian ini dapat disimpulkan bahawa individu yang mempunyai sokongan sosial yang rendah dan mengalami kesunyian dalam kehidupan seharian mereka cenderung untuk melibatkan diri dalam penggunaan internet bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi. Interaksi sosial yang wujud menerusi aplikasi yang ada dalam internet ini membolehkan mereka berhubung dengan individu lain untuk menghilangkan rasa kesunyian tersebut.

1.2 Latar belakang kajian

Dalam era globalisasi yang berteknologi maklumat, internet merupakan salah satu sumber saluran penting dalam menyampaikan pelbagai maklumat kepada rangkaian komputer di seluruh dunia. Maklumat disalurkan terus secara langsung kepada pengguna di seluruh tempat melalui kemudahan sistem rangkaian ini. Dengan adanya kemudahan internet ini, maka sistem teknologi ini dapat digunakan sebagai penyumbang dalam membantu menambahkan maklumat-maklumat penting yang diperlukan oleh penggunanya.

Hakikat perkembangan internet memang tidak dapat dinafikan telah memberi kesan yang ketara dalam kehidupan dengan mengubah cara bekerja, mencari maklumat, berkomunikasi, menjalankan perniagaan dan membeli-belah

dalam talian. Dalam dunia globalisasi, masyarakat, ekonomi dan pemasaran telah menjadi suatu perkara yang saling berhubung kait antara satu dengan yang lain. Di mana telah berlaku pertukaran barangan, perkhidmatan dan pengetahuan tanpa mengira sempadan yang semakin rancak, malah penyebaran maklumat ataupun berita dilakukan dengan serta merta kepada masyarakat. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi seperti internet ini telah mendorong kepada perkembangan media sosial yang lain. Media social ini digunakan untuk menghubungkan jutaan pengguna laman sosial melalui *Facebook, Twitter, Instagram, Bloggers*, dan sebagainya. Apa yang nyata disini, internet telah berjaya memudahkan segala urusan harian samaada yang melibatkan kerja mahupun peribadi.

Kemunculan kemudahan *world wide web (www)*, internet digunakan dengan meluasnya sebagai alat untuk mendapatkan maklumat, komunikasi, mengiklankan produk atau perkhidmatan dan tidak kurang untuk tujuan hiburan. Penggunaan komputer bukanlah sesuatu yang baru malah telah digunakan sejak awal 60 an lagi terutama di Negara maju seperti Amerika dan Eropah. Negara kita Malaysia tidak ketinggalan dalam menggunakan teknologi ini untuk disesuaikan kepada pelbagai bidang seperti pendidikan, pentadbiran, penyiaran, penyelidikan dan sebagainya.

Kajian yang dilakukan oleh Nuraizah, (2002), menyatakan penggunaan internet untuk tujuan kurang berfaedah ini amat merugikan negara kerana kerajaan telah membelanjakan jutaan ringgit untuk membangunkan prasana teknologi maklumat dan komunikasi untuk manfaat rakyat bersama. Hal ini amatlah mendukacitakan kerana kemudahan teknologi sebegini dapat memberikan banyak faedah kepada para penggunanya dalam meningkatkan taraf hidup seseorang tersebut sekiranya digunakan dengan sebaiknya.

Ridzauddin Roslan, (2018), data yang dikeluarkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendedahkan, jumlah pelayar internet di Malaysia meningkat sebanyak 880 peratus daripada 2.5 juta pengguna pada tahun 2006 kepada 24.5 juta pada tahun 2017. Laporan itu turut menjelaskan rakyat

Malaysia yang berusia bawah 18 tahun merangkumi sebanyak 5.8 peratus atau kira-kira 1.8 juta daripada pengguna internet di Negara ini. Ketagihan melayari internet dalam kalangan belia yang berusia antara 20 hingga 49 tahun berada pada tahap yang membimbangkan apabila 76.1 peratus daripada mereka menghabiskan masa sekurang-kurangnya empat jam sehari bagi melayari laman sosial. Berdasarkan hasil laporan SKMM, menjelaskan bahawa golongan belia yang berusia di antara 20 hingga 49 tahun ini merupakan golongan yang berkerja sama ada di sector kerajaan mahupun swasta.

MStar,(2018), dalam tajuk berita semasa iaitu rakyat Malaysia ketagih guna telefon bimbit, menjelaskan 69 peratus daripada rakyat Malaysia dilaporkan penggunaan telefon bimbit tidak dapat berhenti walaupun dalam sehari. Menurut laporan terkini *Limelight Networks Inc* (2018), mengenai keadaan gaya hidup digital, rakyat Malaysia paling ketagih dengan peranti digital mereka diikuti oleh India. Berdasarkan laporan tersebut turut mendedahkan penggunaan e-buku dimana, Malaysia mencatat jumlah tertinggi dalam kalangan 10 negara yang ditinjau, dengan 74.7 peratus lebih suka menggunakan buku digital manakala 25.4 peratus memilih buka secara fizikal. Responden di 10 negara iaitu, Malaysia, Perancis, Jerman, India, Itali, Jepun, Singapura, Korea Selatan, United Kingdom dan Amerika Syarikat ditanya bagaimana mereka berinteraksi dengan media digital dan kesan teknologi dalam kehidupan mereka.

Limelight Networks(2018) dalam satu kenyataan berkata komputer riba dan komputer meja merupakan teknologi terpenting kedua dalam responden Malaysia dengan 43.4 peratus daripada mereka tidak boleh hidup tanpanya. Berdasarkan laporan itu, turut menyatakan bahawa muzik merupakan kandungan dalam talian yang paling banyak diakses di Malaysia, diikuti dengan filem atau rancangan televisyen dan applikasi yang sedia ada. Laporan itu berdasarkan maklum balas daripada 5000 pengguna di 10 negara berumur 18 tahun ke atas yang telah memuat turun perisian atau streaming video atau muzik dalam talian pada bulan lepas. Hasil laporan *Limelight networks* ini ada menjelaskan bahawa golongan yang kebanyakannya berumur 18 tahun dan ke atas menunjukkan mereka adalah yang berkerja.

Berita harian yang bertajuk majoriti belia negara ketagih internet, media sosial, berdepan risiko mental, Rashiqah Ilmi Abd Rahim (2018), yang mededahkan bahawa lebih 60 peratus daripada golongan belia yang berusia 18 hingga 25 tahun yang dikaji di negara ini, dimana menghabiskan masa lebih lima jam sehari untuk melayari internet, terutama bahan berunsur hiburan. Golongan juga merupakan golongan yang berkerja yang lebih banyak menggunakan internet sebagai medium untuk mendapatkan maklumat, hiburan serta interaksi dalam lingkungan mereka. Kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) terhadap 2007 responden dari seluruh negara, turut mendapati majoriti mereka menghabiskan masa dengan aplikasi *WhatsApp* dan *Facebook*. Ketua Jabatan Teknologi Multimedia, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi UUM, Mohd Sobhi Ishak, berkata sebahagian besar responden, berisiko mengalami simptom keresahan berpunca daripada ketagihan Laman Rangkaian Sosial (SNS) seperti *Facebook; WhatsApp; WeChat; Instagram* dan *Youtube*. Kemajuan teknologi telefon pintar dengan pelbagai aplikasi baharu termasuk permainan siber, *Pokemon Go*, yang boleh mengakibatkan individu berkenaan mengalami masalah kesihatan mental seperti tekanan perasaan, keresahan dan kemurungan.

Mohd Sobhi turut menyatakan bahawa individu yang kerap melayari internet tersebut cenderung tersisih daripada interaksi sosial bersemuka, tabiat makanan yang tidak sihat, gangguan tidur, kurang aktiviti fizikal dan menjejaskan tumpuan kerja. Mohd Sobhi (2018), turut menyatakan bahawa ketagihan internet tidak terhad kepada penduduk bandar yang mempunyai akses mudah, sebaliknya turut mempengaruhi jiwa belia luar bandar yang kini mempunyai kemudahan sama kepada internet. Justeru itu dapat disimpulkan bahawa kajian dalam laporan berita ini membuktikan penggunaan internet berupaya membawa mudarat apabila melemahkan masyarakat terutama generasi muda.

1.3 Permasalahan kajian

Teknologi maklumat dilihat sebagai medium utama yang mempunyai banyak manfaat dan kelebihannya tersendiri kepada masyarakat dunia pada hari ini. Penggunaannya sebagai saluran untuk berkomunikasi secara lisan mahupun bukan lisan telah banyak memudahkan aktiviti harian masyarakat kini. Kalau dahulu, komunikasi banyak dilakukan secara bersemuka antara satu dengan yang lain, namun kini dengan adanya teknologi maklumat ini, dapat memudahkan penggunaanya berkomunikasi dengan mudah dan pantas tanpa melibatkan bersemuka dan jarak yang jauh.

Malah peningkatan perkembangan teknologi maklumat terutamanya penggunaan internet ini banyak memberi perubahan dari segi cara pemikiran, tutur bahasa dan budaya masyarakat kini. Perubahan inilah yang telah menyebabkan kemajuan dapat dicapai melalui pertukaran pelbagai idea, pandangan mahupun perspektif yang berbeza dari pelbagai lapisan masyarakat serantau dunia ini. Gabungan pelbagai ilmu ini telah meningkatkan daya pemikiran masyarakat yang lebih kreatif dan berdaya saing dalam melakukan sesuatu perkara. Penambahan dan perkongsian idea ini telah membuka ruang kepada pengusaha dan organisasi dalam menghasilkan teknologi yang canggih untuk kegunaan harian kepada kerajaan mahupun masyarakat itu sendiri. Dengan adanya pengenalan teknologi canggih yang dimuatkan dengan pelbagai aplikasi yang menarik dapat menyebabkan penggunaanya cenderung untuk menggunakannya. Teknologi yang canggih seperti komputer, komputer riba, gajet dan telefon pintar yang dapat mengakses internet dengan mudah dan cepat.

Permasalahan kajian yang timbul menunjukkan sejauh mana peningkatan penggunaan internet yang boleh menjejaskan kesejahteraan mental, emosi, psikologi dan kesihatan masyarakat khususnya dalam kalangan penjawat awam. Menerusi kajian ini pengkaji menumpukan kepada penglibatan penjawat awam dalam menggunakan internet kerana sistem kerjaya pada masa kini banyak melibatkan penggunaan teknologi, maklumat dan komunikasi. Berdasarkan kajian